



NUR Fatihah dan suami menjual murtabak ayam dan daging dengan harga RM2.50 di gerainya di Kampung Aur Gading.

Jual murah tak mahu pelanggan terbebani

Lipis: "Ramai tak percaya saya jual murtabak daging dan ayam hanya RM2.50 sekeping sejak 2017 berbanding peniaga lain kini menjual pada harga RM5 hingga RM7 sekeping."

Begitu kata peniaga murtabak, Nur Fatihah Md Kamil, 30, berhubung harga jualan makanan berkenaan di gerainya di Kampung Aur Gading di sini.

Lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) itu memilih mengekalkan harga jualan tahun ini walaupun berdepan te-

kanan kenaikan harga barang mentah..

Nur Fatihah berkata, dia belum terfikir menaikkan harga menu popular berkenaan walaupun kos bahan mentah meningkat.

Katanya, walaupun dua tahun tidak berniaga kerana wabak Covid-19, harga murtabak daging dan ayam jualan sejak lima tahun lalu masih kekal.

"Saya tak sampai hati menaikkan harga, malah RM2.50 sekeping ini pun saya rasa mahal apabila memikirkan orang kurang berkemampuan, ramai anak

mesti rasa terbebani.

"Murtabak yang saya jual hasil resipi ibu dan dijual khusus untuk Ramadan manakala pada bulan lain, selain murtabak, saya turut menjual roti canai berharga 50 sen sekeping," katanya.

Ibu dua anak itu berkata, dia mempelajari kemahiran menebar murtabak dan roti canai daripada bapanya, Md Kamil Abdullah yang juga berniaga di Pasir Putih, Kelantan sejak 20 tahun lalu.

Katanya, walaupun mempunyai kelulusan di menara

gading, dia tidak berminat bekerja makan gaji sebaliknya ingin menumpukan dalam bidang perniagaan.

"Setiap hari 300 keping murtabak terjual dengan dibantu suami Mohd Fauzan Borhan, 37.

"Saya bersyukur kerana suami pun berpandangan sama dan setuju menjual dengan harga itu walaupun untung sedikit.

"Insya-Allah, kami ingin berniaga sambil beramal, di mana dalam masa sama terfikir memberi orang susah dan anak ramai merasai murtabak ini," katanya.